



MAJLIS KESULTANAN PAHANG

**PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI
(OACP)**


2024 - 2029

ISI KANDUNGAN


PERKARA	MUKA SURAT
AHLI JAWATANKUASA OACP MKP AMANAT	2 3-7
PENGENALAN <ul style="list-style-type: none">• Pengenalan• Latar Belakang• Carta Organisasi• Fungsi Dan Peranan Bahagian• Visi Dan Misi• Nilai-Nilai Bersama• Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Pahang	9 11 13 14-21 23 24 26
ISU DAN CABARAN <ul style="list-style-type: none">• Isu Dan Cabaran• Senario Rasuah Dan Salah Laku Integriti• Analisis Persekitaran• Analisis Data• Bidang-Bidang Berisiko	28 30 31-33 35 37
MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH MAJLIS KESULTANAN PAHANG <ul style="list-style-type: none">• Pelan Antirasuah Organisasi Majlis Kesultanan Pahang 2024-2029• Kerangka OACP Majlis Kesultanan Pahang• Isu dan Cabaran• Analisis Kuadran Pelan Tindakan• Bidang Keutamaan dan Strategi• Pelan Tindakan Pelaksanaan	39 40 41 42 43 44-66
TADBIR URUS <ul style="list-style-type: none">• Mekanisme Pelaksanaan• Mekanisme Penilaian	68-72 73-76
KESIMPULAN PENGHARGAAN	78 79-80

**AHLI JAWATANKUASA
PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
MAJLIS KESULTANAN PAHANG
2024–2029**

PENAUNG	Yang Hormat Mej Jen Dato' Mohamed Zahari Bin Dato' Hj Yahya, TUDM Pengelola Bijaya Diraja KDPB Sultan Pahang
PENGERUSI	Encik Muhammad Iqbal bin Zuhauddin Setiausaha Sulit KDPB Sultan Pahang
SETIAUSAHA	Encik Mahamad Khairul Azman bin Salim Penolong Pegawai Tadbir
UNIT INTEGRITI	Encik Teo Wei Sing Pegawai Khas Kepada Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang
AHLI	Abdul Aziz bin Jaafar Amiruddin bin Mohammed Shahril Hafiz Bin Dzulkarnain Datin Sri Norhakamisah Binti Abdul Hamid Tengku Hasnul Khatimah Binti Tengku Ibrahim Wan Nursyahidatul Akmar binti Wan Md Saidan Mohamad Hadli Bin Hairudin Norhidayah Binti Mat Yusof Nur Shahirah Binti Abdul Hamid Mohd Adibshah Bin Abd Wahab Abdul Hanif bin Abdul Rashid Tun Mohamad Alif Ashraf bin Tun Azman Nur Shahiera binti Harun Azita bt Kamaruddin



AMANAT



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Kesultanan Pahang (MKP) 2024-2029 berjaya dibangunkan. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pelan ini.

Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang 2024-2029 ini dibangunkan selaras dengan aspirasi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) untuk mewujudkan sebuah negara bebas rasuah. Dengan kerjasama dan dorongan Institut Integriti Malaysia (IIM), Pelan ini diharapkan akan menjadi panduan kepada warga Majlis Kesultanan Pahang bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam sentiasa telus dan bebas daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa melalui lima (5) strategi utama seperti berikut:-

- 1. Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Majlis Kesultanan Pahang.**
- 2. Memperkukuh Integriti kompetensi dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Sumber.**
- 3. Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan.**
- 4. Meningkatkan perkhidmatan ke arah tadbir urus yang baik.**
- 5. Memupuk tadbir urus yang strategik dalam pentadbiran.**



KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Ibarat kayu besar di tengah-tengah padang, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung hujan, itulah yang dapat digambarkan kepada komitmen yang jitu dari kesemua 7 Bahagian dan Unit di bawah Pentadbiran Majlis Kesultanan Pahang dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Kesultanan Pahang (MKP) 2024-2029.

Matlamat utama penubuhan pelan ini adalah bagi memenuhi aspirasi negara melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu mewujudkan negara bebas rasuah dan berintegriti. Dengan adanya Pelan OACP MKP 2024 - 2029 ini, semua warga kerja Majlis Kesultanan Pahang diharapkan dapat bekerjasama dalam menentang angkara rasuah di samping mewujudkan era baharu yang adil lagi saksama berdasarkan ketelusan kebertanggungjawaban dan integriti.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Kesultanan Pahang (MKP) 2024 - 2029 merupakan naskah komprehensif yang dirangka sebagai rujukan utama dalam pengurusan pentadbiran untuk menangani, masalah integriti, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

OACP MKP ini melambangkan komitmen tertinggi Majlis Kesultanan Pahang (MKP) untuk mentransformasikan pengurusan dan pentadbiran bagi mencapai aspirasi menjadi sebuah pentadbiran maju dan bebas rasuah menjelang tahun 2025.

Pelan ini telah dihasilkan secara kolektif, melibatkan semua bahagian dan unit di bawah Pentadbiran MKP. Segala input penting daripada pelan risiko Majlis Kesultanan Pahang, Pelan Risiko Rasuah (CRM), Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Audit Dalam dan statistik tatatertib serta aduan MKP telah diteliti dan diperhalusi bagi menentukan tindakan penambahbaikan yang terbaik serta keutamaan kepada mekanisme kawalan risiko di MKP.

Bertepatan dengan visi "Menjadi Organisasi Yang Terunggul Dalam Memartabatkan Institusi Diraja Kesultanan Pahang", pembangunan Pelan - OACP ini berlandaskan 4 bidang keutamaan yang menjadi fokus utama dalam memerangi rasuah iaitu Pentadbiran, Sumber Manusia, Kewangan dan Perolehan dan Tadbir Urus. Bagi tujuan tersebut sebanyak 4 strategi dan 12 Objektif strategi telah digariskan memayungi 30 inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat pelan iaitu meningkatkan sistem penyampaian pentadbiran berasaskan tadbir urus yang baik. Setiap inisiatif yang dirangka telah mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemeraksanaan pencegahan rasuah.

Semoga dengan terangkanya pelan ini sebagai panduan MKP akan sentiasa telus dan bebas rasuah serta berada dalam landasan yang tepat bagi menjadikan pentadbiran yang maju, mampan serta bebas rasuah.



FIRMAN ALLAH SWT



Surah Al-Baqarah Ayat 168

"Wahai manusia! Makanlah makanan daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh nyata bagi kamu".


Surah Al-Baqarah Ayat 188

"Dan janganlah kamu makan harta orang lain antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya".


Surah Al-Anfal Ayat 27

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah mengkhianati Allah dan rasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada kamu) sedang kamu mengetahuinya".





PENGENALAN



PENGENALAN

Majlis Kesultanan Pahang (MKP) telah mewujudkan dan melaksanakan Manual Sistem Pengurusan Antirasuah. Manual ini diadakan mengikut standard sebagai kerangka yang membolehkan organisasi MKP mendokumentasikan dan meningkatkan pengurusan Antirasuah bagi memenuhi keperluan dan kehendak pihak pelanggan, pihak pemegang taruh dan pihak-pihak yang berkaitan dengan MKP.

Manual ini digunakan sebagai rujukan oleh warga MKP, pelanggan dan organisasi luar serta individu yang berkaitan dengan pengurusan Antirasuah yang telah dilaksanakan oleh MKP. Kawalan yang ditetapkan dalam manual ini memberikan fokus kepada pelaksanaan proses bagi pengurusan Antirasuah di tempat kerja. Manual Sistem Pengurusan Antirasuah ini diwujudkan berdasarkan keperluan.

Di samping itu, penekanan yang diberikan dalam Manual Sistem Pengurusan Antirasuah dan prosedur operasi standard menitikberatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disalurkan oleh MKP bagi memenuhi pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan peraturan-peraturan yang berkaitan serta keperluan standard antirasuah.



LATAR BELAKANG



LATAR BELAKANG MAJLIS KESULTANAN PAHANG

Pejabat baharu Majlis Kesultanan Pahang (MKP) siap dibina pada tahun 1980. Lokasinya di Jalan Istana Abu Bakar, Pekan yang merupakan pejabat rasmi Raja Pemerintah Negeri Pahang Darul Makmur. Pada awalnya, perbelanjaan mengurus MKP di bawah peruntukan Maksud Tanggungan 01 – Peruntukan Diraja serta terdiri daripada dua unit iaitu Unit KDPB Sultan Pahang dan Unit Jumaah Pangkuan Negeri. Jumlah perjawatan adalah sebanyak 158 jawatan.

Pada tahun 1993, perbelanjaan mengurus MKP telah dibahagi kepada dua peruntukan mengurus iaitu Peruntukan Diraja (Tanggung - T.01) dan Peruntukan MKP (Bekalan - B.01). Aktiviti pentabiran terbahagi kepada 3 Unit iaitu Unit Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Unit Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dan Unit Jumaah Pangkuan Negeri. Jumlah perjawatan bagi Peruntukan T.01 adalah 67 jawatan dan jumlah perjawatan bagi Peruntukan B.01 adalah 91 jawatan.

Pada tahun 2019, perjawatan MKP mengikut Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bilangan N40 adalah berjumlah 163 jawatan iaitu 94 jawatan di bawah peruntukan Bekalan B.01 MKP dan 71 jawatan di bawah T.01 Peruntukan Diraja Negeri Pahang.

Pada tahun 2024, perjawatan terkini MKP mengikut Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bilangan N49 adalah berjumlah 154 jawatan iaitu 55 jawatan di bawah peruntukan Bekalan B.01 MKP dan 99 jawatan di bawah T.01 Peruntukan Diraja Negeri Pahang.

Kini, perjawatan MKP terdiri daripada tiga (3) jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta seratus lima puluh satu (151) jawatan kumpulan pelaksana. MKP diketuai oleh Pengelola Bijaya Diraja, Kakitangan Awam Gred Jusa C dan dibantu oleh Setiausaha Sulit Kepada KDPB Sultan Pahang, PTD Gred M48 dan Setiausaha Sulit KDPM Tengku Mahkota Pahang, Pegawai Tadbir Gred M44 serta pegawai-pegawai lantikan yang lain.



CARTA ORGANISASI





**FUNGSI DAN
PERANAN BAHAGIAN**



Mengurus segala aktiviti am rasmi dan tidak rasmi KDPB Sultan Pahang –Majlis Mengadap, Keberangkatan ke Daerah-daerah, Perasmian Majlis / bangunan dan lain-lain.

Mengurus segala aktiviti am rasmi dan tidak rasmi KDPB Tengku Ampuan Pahang, Majlis Mengadap, Keberangkatan ke Daerah-daerah, Perasmian Majlis /Bangunan dan lain-lain

BAHAGIAN URUSAN DIRAJA

Mengurus segala aktiviti am rasmi dan tidak rasmi KDPM Tengku Mahkota Pahang, Majlis Mengadap, Keberangkatan ke Daerah-daerah, Perasmian Majlis /Bangunan dan lain-lain

Mengurus segala aktiviti am rasmi dan tidak rasmi KDPM Tengku Puan Pahang, Majlis Mengadap, Keberangkatan ke Daerah-daerah, Perasmian Majlis /Bangunan dan lain-lain

Mengurus segala Majlis / Istiadat yang di jalankan di Istana Abu Bakar, Istiadat Hari Keputeraan, Majlis Jamuan Negeri, Majlis Pemasysuran KDPB Sultan, Majlis Pemasysuran KDPB Tengku Ampuan, Majlis Pemasysuran KDPM Tengku Mahkota, Majlis Pelantikan KDPB Pemangku Raja, Majlis Pelantikan Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Urusan Pengurniaan Bintang dan Darjah Kebesaran dan urusan penyerahan watikah

Mengurus Urusan Protokol dan Urusan Tetamu Khas Diraja

BAHAGIAN ISTIADAT DAN PROTOKOL

Pengawasan dan Penyelarasan kerja-kerja istiadat

Bertanggungjawab mengurus majlis diraja, adat istiadat diraja dan protokol.

Urusan pengedaran kad-kad jemputan

Mengiringi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang dalam semua istiadat/ majlis/ lawatan diraja sama ada secara rasmi atau tidak rasmi.

Memastikan pergerakan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang berjalan dengan lancar dan sempurna seperti yang telah direncanakan

BAHAGIAN JURUIRING

Menyelaras urusan berkaitan dan mewujudkan perhubungan di antara Angkatan Tentera Malaysia/ Polis Diraja Malaysia dengan Istana

Menjunjung titah perintah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang dan membantu menyelaras pelaksanaannya



Mengurus Mesyuarat
Jumaah Pangkuan Diraja
Negeri Pahang.

Mengurus Urusan Am Ahli-Ahli
Jumaah Pangkuan Diraja Negeri
Pahang, Bayaran Elaun Tetap
Bulanan, Tuntutan Perjalanan,
Cukai Jalan, Surat Jaminan
Hospital, Cukai Pendaftaran
dan lain-lain.

Membuat bayaran kepada
pembekal bagi Majlis-Majlis
Istiadat dan Program-
Program rasmi melibatkan
KDPB Sultan.

BAHAGIAN JUMA AH PANGKUAN DIRAJA

Menyelaras pengurusan Majlis-
Majlis Istiadat dan Program-
Program rasmi melibatkan KDPB
Sultan, Jamuan Negeri, perolehan
katering, hiasan dewan dan lain-
lain yang berkaitan.

Mengurus jemputan Ahli-Ahli
Jumaah Pangkuan Diraja Negeri
Pahang bagi mengiringi
keberangkatan KDPB Sultan ke
Majlis-Majlis Istiadat dan
Program-Program rasmi.

Mengurus urusan pelantikan
Kerabat-Kerabat Bergelar, ahli-
ahli Jumaah Pangkuan Diraja
Negeri Pahang, Orang-Orang
Bes ar Istana dan Orang-Orang
Bes ar Raja.

Bertanggungjawab dalam semua urusan yang berkaitan dengan tadbir urus istana merangkumi penyelenggaraan istana, kebersihan, perolehan bekalan dan perkhidmatan serta mengurus kakitangan istana bagi memastikan semua urusan dilaksanakan dengan sempurna berteraskan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme.

Memastikan KDPB Sultan Pahang, KDPB Tengku Ampuan Pahang dan KDPM Tengku Mahkota Pahang dalam keadaan tersedia untuk menghadiri program rasmi dan tidak rasmi.

- * Pengurusan Istana Abu Bakar
- * Pengurusan Istana Abdulaziz
- * Pengurusan Istana-Istana seluruh Negeri Pahang

BAHAGIAN PENGURUSAN ISTANA

Menjaga kualiti dan keterjaminan santapan KDPB Sultan Pahang, KDPB Tengku Ampuan Pahang dan KDPM Tengku Mahkota Pahang.

Memastikan segala urusan Hospitaliti KDPB Sultan Pahang, KDPB Tengku Ampuan Pahang dan KDPM Tengku Mahkota Pahang berjalan lancar.

BAHAGIAN KDPM TENGGU MAHKOTA PAHANG

Mengurus segala aktiviti am KDPM Tengku Mahkota Pahang, Majlis Mengadap, Keberangkatan ke Daerah-daerah, Perasmian Majlis / Bangunan dan lain-lain.

Menjunjung titah perintah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang dan membantu menyelaras pelaksanaanya

Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas seperti mengendalikan panggilan telefon, pengurusan jadual, penyediaan notis mesyuarat dan menyelaras aktiviti yang berkaitan dengan KDPM Tengku Mahkota Pahang.



**VISI
&
MISI**



VISI

**Menjadi Organisasi
Yang Terunggul
Dalam
Memartabatkan
Institusi Diraja
Kesultanan Pahang**

MISI

- 1. Memperkasa Tadbir Urus Yang Cepak, Telus Dan Cemerlang**
- 2. Memelihara Serta Memartabatkan Warisan Berdaulat Kesultanan Pahang**
- 3. Menyampaikan Perkhidmatan Yang Berintegriti, Cepak, Efisien Dan Berkualiti**
- 4. Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat Demi Kemakmuran Negeri Pahang Darul Makmur**

DASAR ANTIRASUAH

Majlis Kesultanan Pahang komited dalam melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan memerangi sebarang bentuk rasuah melibatkan semua kakitangan dan pihak berkepentingan ke arah pencapaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti

Majlis Kesultanan Pahang tidak akan bertoleransi terhadap semua bentuk rasuah dan komited untuk:-





**DASAR INTEGRITI
DAN
TADBIR**



DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS MAJLIS KESULTANAN PAHANG

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Maka, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) 2012 dan akhir sekali Pelan Antirasuah National (NACP) 2019-2023

Majlis Kesultanan Pahang sentiasa komited dalam membanteras gejala rasuah. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti Ikrar Bebas Rasuah (IBR) (2017), Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2018-2021, Pelan Risiko Rasuah (CRM) 2019-2023 dan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2024-2029.



**ISU
DAN
CABARAN**



ISU DAN CABARAN

Dalam usaha Majlis Kesultanan Pahang membanteras gejala rasuah, terdapat beberapa isu utama yang berkemungkinan boleh berlaku seperti:

- 1. Salah guna kuasa, penyelewengan dan campur tangan pihak ketiga.**
- 2. Kawalan dalaman yang kurang efektif.**
- 3. Pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan.**
- 4. Salah guna teknologi yang mengakibatkan kebocoran maklumat.**
- 5. Sikap dan mentaliti pegawai yang mengikut budaya kerja lama.**



**SENARIO RASUAH
DAN
SALAH LAKU INTEGRITI**



SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI DI MAJLIS KESULTANAN PAHANG

Pelan Antirasuah Nasional 2024 - 2029 merupakan panduan utama Majlis Kesultanan Pahang dalam mendukung usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan rasuah melalui;

STRATEGI 2:

Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

INISIATIF 2.1.5:

Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan pelan OACP dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).



ANALISIS PERSEKITARAN





ANALISIS PERSEKITARAN

INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI) TRANSPARENCY INTERNATIONAL

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) ke-23 bagi 2020 meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-57 daripada 180 negara, turun enam anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Negara mencatatkan skor 51 daripada 100 untuk 2020 berbanding 53 pada 2019. Pada 2018 kedudukan CPI Malaysia naik 10 anak tangga pada kedudukan ke-61 dengan skor 47 daripada 100 mata.

Antara kriteria pengiraan indeks ini adalah melihat kepada persoalan berkaitan rasuah sektor awam seperti amalan rasuah, penyalahgunaan dana awam, penggunaan pejabat kerajaan untuk tujuan peribadi, amalan nepotisme dalam perkhidmatan awam, kemampuan kerajaan menguatkuasakan mekanisme integriti, kewujudan undang-undang perisytiharan kewangan, konflik kepentingan diri dan peruntukan undang-undang yang mencukupi kepada pemberi maklumat, wartawan dan penyiasat.

Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera, perkara ini akan mengakibatkan kesan yang amat buruk kepada perkhidmatan awam dan juga Kerajaan Malaysia.

STATISTIK ADUAN

Statistik bilangan aduan yang diterima oleh Unit Integriti sejak tahun 2019 adalah seperti berikut:

TAHUN	BIL ADUAN
2019	0
2020	0
2021	0
2022	0
2023	0

STATISTIK KES TATATERTIB

Statistik kes tatatertib yang telah selesai sejak tahun 2019 sehingga tahun 2021 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES BIASA	KES MAHKAMAH
2019	0	0
2020	0	0
2021	0	0

Pola Statistik kes tatatertib bagi Majlis Kesultanan Pahang dalam tempoh 2019 sehingga 2021 adalah tiada.



ANALISIS DATA



ANALISIS DATA

Pelbagai data telah diperoleh semasa bengkel analisis data yang diadakan bagi proses penilaian risiko untuk menentukan bidang utama yang menjadi tumpuan oleh Majlis Kesultanan Pahang dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan. Data-data berkenaan terbahagi kepada dua iaitu data dalaman dan juga luaran yang merangkumi Corruption Risk Management Plan (CRM), Pelan Risiko Majlis Kesultanan Pahang, aduan integriti, kes-kes tatatertib, laporan Unit Audit Dalam dan laporan Ketua Audit Negara.

1	PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)	Merupakan panduan utama bagi mendapatkan gambaran pembangunan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang.
2	PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)	Data primier bagi pembangunan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang, Menyemak semula dan menambah baik semua data dan statistik bagi risiko rasuah yang telah dikenalpasti.
3	PELAN RISIKO MAJLIS KESULTANAN PAHANG	Data-data risiko yang terdapat di Majlis Kesultanan Pahang.
4	DATA SOKONGAN	Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan-laporan audit dalam, laporan Ketua Audit Negara dan bengkel perancangan senario.



BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO



BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO

1	PENTADBIRAN	<p>Pengurusan hal ehwal pentadbiran bagi Majlis Kesultanan Pahang merupakan asas utama dalam sektor awam kerana penyampaian perkhidmatan awam akan mencerminkan imej jabatan tersebut. Pengurusan yang lebih cekap dan efektif perlu diambil kira bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam pentadbiran memenuhi kehendak pelanggan.</p>
2	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	<p>Mengurus hal berkaitan penempatan anggota perkhidmatan dan semua urusan berkaitan sepanjang dan selepas perkhidmatan. Pengurusan Sumber Manusia yang cekap dan teratur akan melahirkan penjawat awam yang beretika serta mematuhi undang-undang dan peraturan.</p>
3	KEWANGAN DAN PEROLEHAN	<p>Merupakan salah satu bidang yang paling terdedah kepada rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Proses di dalam bidang ini hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan dan perolehan yang telus dan berakauntabiliti amat penting bagi memastikan tiada kerugian dan ketirisan hasil berlaku</p>
4	TADBIR URUS	<p>Tadbir Urus boleh ditakrifkan sebagai pelaksanaan ekonomi, politik dan pentadbiran untuk mengurus hal ehwal jabatan. Ia terdiri daripada mekanisme dan proses pentadbiran jabatan mengikut undang-undang dan nilai etika yang baik. Pemegang taruh memainkan peranan yang penting dalam memastikan tadbir urus yang baik.</p>



**MEMPERKASAKAN USAHA
PENCEGAHAN RASUAH
MAJLIS KESULTANAN PAHANG**



PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH.

KERANGKA UTAMA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Garis Panduan Asas
Membina Kerangka Pelan

Untuk memastikan pelan strategik mengikut perancangan yang ditetapkan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka OACP yang mantap. Pendekatan tersebut ialah:

KATAKAN TIDAK KEPADA RASUAH

KERANGKA OACP MAJLIS KESULTANAN PAHANG

VISI

PENGGERAK UTAMA
INSTITUSI DIRAJA

MISI

MEMPERKUKUH KECEKAPAN,
AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI
PERKHIDMATAN MAJLIS
KESULTANAN PAHANG.

MATLAMAT

MENINGKATKAN SISTEM
PENYAMPAIAN MAJLIS
KESULTANAN PAHANG
BERASASKAN TADBIR URUS
YANG BAIK.

ISU DAN CABARAN

JANGKAAN (ANTICIPATION)

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah oleh organisasi melalui data Corruption Risk Management (CRM), Bengkel Penggubalan dan Pembangunan OACP dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau mengatasi isu rasuah, governans dan integriti.

TINDAKAN (ACTION)

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang, dasar dan peraturan sama ada melalui mekanisme semak dan imbang, pencegahan dan latihan. Organisasi perlu mengambil tindakan tegas dan adil pada semua peringkat untuk sebarang perlakuan yang bertentangan dengan peraturan.

AKREDITASI (ACCREDITATION)

Memfokuskan proses pemantauan dan penilaian untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dilaksanakan sepenuhnya oleh individu atau organisasi. Perkara ini penting untuk memperbaiki dasar dan program sedia ada.

PERSEPAKATAN (ALLIANCE)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman organisasi dan luaran, terma Majlis Kesultanan Pahang mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Langkah ini akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan

ADVOKASI (ADVOCACY)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur tenaga kerja, belanjawan dan latihan.



ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN

IMPAK



KOMPLEKSITI





BIDANG KEUTAMAAN DAN STRATEGI

PENTADBIRAN

Memperkukuh
Penyampaian
Perkhidmatan Majlis
Kesultanan Pahang

KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Mempertingkatkan
keberkesanan dan
ketelusan dalam
Pengurusan kewangan
dan Perolehan Kerajaan

SUMBER MANUSIA

Memperkukuh Integriti,
Kompetensi
dan Akauntabiliti dalam
Pengurusan Sumber
Manusia

TADBIR URUS

Memupuk Tadbir Urus
Yang Strategik Dalam
Pentadbiran

KEUTAMAAN STRATEGI

PENEKANAN 30 INISIATIF

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Memperkemas prosedur kerja berkaitan kriteria pemilihan calon Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.	A	Strategi 1
2	Mengadakan pemantauan dan audit berkaitan pengurusan dokumen terperingkat secara berkala.	A	Strategi 1
3	Memperkukuh pematuhan terhadap Polisi Keselamatan Siber berkaitan pengurusan dokumen secara berterusan.	A	Strategi 1
4	Memperkasakan Pelan Operasi Latihan berkenaan pengurusan dokumen terperingkat.	A	Strategi 1
5	Menyebarkan luas dan memperkasakan penguatkuasaan terhadap kerahsiaan dokumen mengikut Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 secara berterusan.	A	Strategi 1
6	Memperkasakan Penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Tatatertib) Pahang 2015.	A	Strategi 1

7	Memperkasakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala.	A	Strategi 1
8	Memperkemas dasar prosedur kerja dan kod etika berkaitan pengurusan kenderaan.	A	Strategi 1
9	Menambahbaik penggunaan sistem pengurusan kenderaan sedia ada.	A	Strategi 1
10	Melaksanakan Naziran berkaitan pengurusan kenderaan secara berkala.	A	Strategi 1
11	Menyemak semula dan menambah baik prosedur kerja, pekelling dan peraturan yang berkuatkuasa tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa,	A	Strategi 1
12	Memperkemas prosedur kerja berkenaan pengurusan aduan dalam Myportfolio.	B	Strategi 1
13	Memperkuh pemantauan melalui Jawatankuasa Pemantauan Aduan secara berterusan.	A	Strategi 1

14	Menginstitusikan sistem pengurusan aduan secara bersepadu supaya pengurusan aduan yang sedia ada diintegrasikan.	B	Strategi 1
15	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab.	B	Strategi 1
16	Menambah baik prosedur bagi urusan pengambilan pegawai kontrak perkhidmatan dan sambilan.	A	Strategi 2
17	Menambah baik prosedur bagi urusan menentukan pertukaran dan penempatan kakitangan.	A	Strategi 2
18	Memperkemas pemantauan sistem kehadiran kakitangan.	A	Strategi 2
19	Pemantapan <i>whistle blowing</i> dengan menyebarkan saluran <i>whistle blowing</i> kepada jabatan dan kakitangan.	B	Strategi 2
20	Melaksanakan <i>shopping mystery</i> secara berkala.	B	Strategi 2

21	Melaksanakan Supervisory Enhance Skills kepada penyelia secara berterusan	B	Strategi 3
22	Menyemak semula dan menyeragamkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kewangan yang berkuatkuasa	A	Strategi 3
23	Meningkatkan kawalan dalaman dan Prosedur Operas Standard (SOP) bahagian yang menguruskan pembayaran.	B	Strategi 3
24	Membuat hebahan bagi setiap perubahan peraturan dan pekeliling kepada seluruh warga kerja secara berterusan.	A	Strategi 3
25	Melaksanakan pusingan kerja dikalangan kakitangan yang terlibat dengan proses perolehan.	A	Strategi 3
26	Menyenaraihitamkan pembekal yang melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) pembekalan dan perolehan secara berterusan tertakluk kepada keadaan semasa.	A	Strategi 3

27	Mewujudkan kontrak berpusat bagi perolehan berkala.	B	Strategi 3
28	Melaksanakan taklimat kesedaran berkaitan dengan Akta SPRM 2009 Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Peraturan 1A (Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 1003 kepada Jawatankuasa secara berterusan.	A	Strategi 4
29	Mewujudkan satu polisi konflik kepentingan (<i>Conflict of Interest</i>) dalam jawatankuasa.	A	Strategi 4
30	Melaksanakan penilaian melalui sistem tapisan integriti kepada jawatankuasa yang dilantik.	B	Strategi 4

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

STRATEGI 1	Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Majlis Kesultanan Pahang
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Meningkatkan ketelusan dalam pemilihan calon penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pingat Darjah Kebesaran Negeri Pahang

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Penyalahgunaan kuasa dalam pemilihan calon penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang demi kepentingan sendiri	Memperkemas prosedur kerja berkaitan kriteria pemilihan calon Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2 Tahun (2024-2026)	100% Menggunakan tatacara dan proses yang dikeluarkan oleh JPA
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	0%
2	Pemalsuan pelaporan tapisan dari pihak ketiga tentang kelayakan calon penerima Pingat Darjah kebesaran kerajaan Negeri Pahang.	Memperkemas prosedur kerja berkaitan kriteria pemilihan calon Penerima Pingat Darjah Kebesaran Kerajaan Negeri Pahang.	Jumaah Pangkuan DiRaja	2 Tahun (2024-2026)	100%
		Pendaftaran ke dalam Sistem Pengurusan Darjah Kebesaran Dan Pingat Negeri Pahang.	Jumaah Pangkuan Diraja	5 Tahun (2024-2029)	100%
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia bertanggungjawab.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	0%

STRATEGI 1	Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Majlis Kesultanan Pahang
-------------------	---

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Mengukuhkan pentadbiran dengan memfokuskan kepada pemantapan integriti warga kerja KDPB Sultan Pahang
-------------------------------	---

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Kebocoran maklumat terperinci Majlis Kesultanan Pahang (Dokumen fizikal dan Dokumen Digital).	Mengadakan pemantauan dan audit berkaitan pengurusan dokumen terperinci secara berkala.	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2024-2029)	40% Melaksanakan pemeriksaan tahunan dan pemantauan dari semasa ke semasa
		Memperkasakan mekanisme sistem pengurusan fail dan dokumen secara menyeluruh.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2024-2026)	60% Mengguna pakai prosedur semasa daripada Arkib
		Menyebarkan luas dan memperkasakan penguatkuasaan terhadap kerahsiaan dokumen mengikut Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 secara berterusan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2024-2029)	40% Membuat hebahan dan peringatan secara berkala kepada kakitangan

		Memperkukuh pematuhan terhadap Polisi Keselamatan Siber berkaitan pengurusan dokumen secara berterusan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2024-2029)	40% Membuat hebahan dan peringatan secara berkala kepada kakitangan
		Memperkasakan Pelan Operasi Latihan berkenaan pengurusan dokumen terperingkat.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2 Tahun (2024-2026)	60% Berpandukan latihan yang ditawarkan SUK
		Memperkasakan Penguatkuasan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100% Berpandukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015.
		Memperkasakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala.	Unit Integriti	2 Tahun (2024-2025)	60%
		Memberikan taklimat kepada pegawai lantikan baru.	Unit Integriti	1 Tahun (2025-2026)	100%
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	0%

STRATEGI 1	Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Majlis Kesultanan Pahang
-------------------	---

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Kenderaan Jabatan
-------------------------------	---

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Penyelewengan berkenaan penggunaan kenderaan jabatan untuk kepentingan peribadi.	Memperkemas dasar prosedur kerja dan kod etika berkaitan pengurusan kenderaan.	Unit Kenderaan	2 Tahun (2024-2026)	100% SOP Kerja telah diwujudkan. Penambahbaikan akan dibuat dari masa ke semasa.
		Menambah baik penggunaan sistem pengurusan kenderaan sedia ada.	Unit Kenderaan	5 Tahun (2024-2029)	100% Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan M'sia WP 4.1
		Melaksanakan Naziran berkaitan pengurusan kenderaan secara berkala.	Unit Kenderaan	5 Tahun (2024-2029)	70% Melaksanakan pemeriksaan secara berkala.
		Memperkasakan Pelan Operasi Lathan berkaitan pengurusan kenderaan.	Unit Kenderaan	1 Tahun (2024-2026)	50% Melaksanakan kursus dan operasi Latihan berkaitan pemanduan.
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	0%

STRATEGI 1	Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Majlis Kesultanan Pahang
-------------------	---

OBJEKTIF STRATEGIK 1.4	Mengukuhkan Akauntabiliti Pihak Berkaitan
-------------------------------	---

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Kegagalan terhadap pematuhan peraturan dan tatacara yang berkaitan bagi pelaksanaan program/aktiviti.	Menyemak semula dan menambah baik prosedur kerja, pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.	Bahagian Berkaitan	5 Tahun (2024-2029)	40% Semakan dibuat secara tahunan dengan mengambil kira pekeliling semasa
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	0%

STRATEGI 1

Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Majlis Kesultanan Pahang

OBJEKTIF STRATEGIK 1.5

Mengukuhkan Keberkesanan Mekanisme Pengurusan Aduan

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Mekanisme pengurusan dan penyelesaian aduan jabatan yang kurang komprehensif	Memperkemas prosedur kerja berkenaan pengurusan aduan dalam Myportfolio.	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2024-2029)	40% Tambah baik pelaksanaan dengan mengambil kira arahan semasa (SSPA)
		Melaksanakan latihan sistem pengurusan aduan kepada pegawai yang menguruskan aduan secara berterusan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2024-2029)	40% Latihan dijalankan secara tahunan kepada kakitangan jabatan
		Memperkukuh pemantauan melalui Jawatankuasa Pemantauan Aduan secara berterusan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2024-2029)	40% Pemantauan aduan secara bersama dengan Unit Integriti
		Menginstitusikan sistem pengurusan aduan secara bersepadu supaya pengurusan aduan yang sedia ada	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2024-2029)	40% Pengurusan aduan secara bersama dengan Unit Integriti
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	0%

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

STRATEGI 2	Memperkuh Integriti, Kompetensi Dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Sumber Manusia
-------------------	---

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Melahirkan Penjawat Awam yang Berakauntabiliti, Cekap, Beretika serta Mematuhi Undang-Undang dan Peraturan
-------------------------------	--

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Penyalahgunaan kuasa dalam urusan pengambilan pegawai kontrak perkhidmatan	Menambah baik prosedur bagi urusan pengambilan pegawai kontrak perkhidmatan dan sambilan.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1 Tahun (2024-2025)	100% Urusan pengambilan berdasarkan arahan pekeliling JPA dan tapisan SUK
2	Penyalahgunaan kuasa dalam urusan pertukaran dan penempatan bagi pegawai lantikan kontrak perkhidmatan	Menambah baik prosedur bagi urusan menentukan pertukaran dan penempatan Kakitangan.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1 Tahun (2024-2025)	100% Pertukaran dan penempatan dilaksanakan oleh pihak SUK

STRATEGI 2	Menambah baik prosedur bagi urusan menentukan pertukaran dan penempatan
-------------------	---

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Kenderaan Jabatan
-------------------------------	---

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Pemalsuan dokumen rasmi jabatan.	Memperkasakan penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015.	Unit integriti	5 Tahun (2024-2029)	100% Berpandukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015.
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	0%
2	Masalah ketidakhadiran Kakitangan.	Memperkemas pemantauan sistem kehadiran kakitangan.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1 Tahun (2024-2025)	100% Pemantauan dilaksanakan menggunakan sistem yang sedia ada
		Meningkatkan program kesedaran melalui khidmat sesi kaunseling dan pemantapan program kerohanian kepada semua kakitangan secara menyeluruh.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1 Tahun (2024-2025)	100% Program kerohanian sentiasa dilaksanakan secara bulanan oleh Pegawai Agama Istana

		Memperkenalkan sistem penaiktarafan kepada pegawai yang berprestasi tinggi.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeling semasa JPA
		Memperkasakan penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100% Berpandukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015.
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100%
3	Penglibatan dalam kes-kes jenayah	Pemantapan <i>whistle blowing</i> dengan menyebarkan saluran <i>whistle blowing</i> kepada jabatan dan kakitangan	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100%
		Memperkasakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100%

		Meningkatkan program kesedaran melalui khidmat sesi kaunseling dan pementapan program kerohanian kepada semua kakitangan secara menyeluruh.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	5 Tahun (2024-2029)	40% Program kerohanian dilaksanakan oleh Pegawai Agama Istana dan khidmat bantuan kaunseling daripada SUK
		Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100%
		Melaksanakan mystery shopping secara berkala.	Unit Integriti	1 Tahun (2025-2026)	100%

STRATEGI 2	Memperkukuh integriti, Kompetensi Dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Sumber Manusia
-------------------	---

OBJEKTIF STRATEGIK 2.3	Meningkatkan kompetensi dan keupayaan dinamik melalui penambahbaikan struktur organisasi, skim perkhidmatan, sistem dan proses kerja bagi menangani cabaran semasa
-------------------------------	--

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Pembahagian tugas yang tidak sekata sehingga menjejaskan kualiti kerja yang dijalankan.	Memperkemas proses kerja dalam Myportfolio secara berterusan.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	5 Tahun (2024-2029)	40%
		Meningkatkan program kesedaran melalui khidmat sesi kaunseling dan pemantapan program kerohanian kepada semua.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	5 Tahun (2024-2029)	40% Khidmat bantuan kaunseling daripada SUK
		Melaksanakan <i>Supervisory Enhance Skills</i> kepada penyelia secara berterusan.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1 Tahun (2024-2025)	100%
		Memperkenalkan sistem pengiktirafan kepada pegawai yang berprestasi tinggi.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekiling semasa JPA

BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan
-------------------	--

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Meningkatkan Akauntabiliti dalam Pengurusan Kewangan
-------------------------------	--

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Pemalsuan tuntutan kewangan melibatkan elaun lebih masa dan tuntutan perjalanan.	Menyemak semula dan menyeragamkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kewangan yang berkuatkuasa.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
		Meningkatkan kawalan dalaman dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bahagian yang menguruskan pembayaran kakitangan secara menyeluruh.	Unit Kewangan	1 Tahun (2024-2025)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
		Mengadakan sesi taklimat bagi kefahaman yang seragam berkenaan tatacara kewangan antara jabatan kepada seluruh warga kerja secara	Unit Kewangan	2 Tahun (2024-2026)	50% Program dijalankan sebagai acara tahunan kepada kakitangan jabatan

		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
		Memperkasakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
2	Kesilapan dalam pembayaran gaji / tuntutan.	Membuat hebahan bagi setiap perubahan peraturan dan pekeliling kepada seluruh warga kerja secara berterusan.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	40% Sentiasa membuat hebahan jika ada maklumat baharu dari PKPN
3	Penyelewengan terimaan hasil.	Merujuk kakitangan yang terlibat ke sesi kaunseling dan khidmat nasihat dengan kerjasama Agensi Kewangan dan Pengurusan Kredit (AKPK).	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	-TIDAK BERKAITAN-
		Mengadakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala.	Unit Integriti	1 Tahun (2025-2026)	100%

		Membuat pengauditan terimaan hasil secara berkala.	Unit Audit Dalam	5 Tahun (2024-2029)	-TIDAK BERKAITAN-
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100%
4	Kelewatan pembayaran kepada Kontraktor/ Pembekal.	Menyemak semula dan menyeragamkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kewangan yang berkuatkuasa.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
		Meningkatkan pemantauan secara berkesan dan berterusan.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan

STRATEGI 3

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2

Memantapkan Pengurusan Perolehan Kerajaan bagi Mengurangkan Risiko Rasuah, serta Penyelewengan Kuasa

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Pengurusan Perolehan Kerajaan yang tidak cekap.	Memperkasakan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengurusan perolehan jabatan.	Unit Kewangan	1 Tahun (2024-2025)	100% Menggunakan pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
		Mengadakan mesyuarat perancangan yang lebih terperinci bagi perancangan perbelanjaan semasa.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	40% Perancangan dijalankan secara tahunan
		Menyediakan latihan perolehan kepada seluruh pegawai di Majlis Kesultanan Pahang secara berterusan.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	40% Latihan dijalankan apabila ditawarkan oleh SUK
2	Salah Guna Kuasa dan Penyelewengan dalam Pengurusan Proses Perolehan.	Mengehadkan bilangan pegawai yang terlibat dalam proses perolehan.	Unit Kewangan	1 Tahun (2024-2025)	100%

		Memperkasakan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengurusan perolehan jabatan.	Unit Kewangan	1 Tahun (2024-2025)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
		Melaksanakan pusingan kerja dikalangan kakitangan yang terlibat dengan proses perolehan.	Unit Kewangan	1 Tahun (2024-2025)	100% Dijalankan secara tahunan
		Menyenaraihitamkan pembekal yang melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) pembekalan dan perolehan secara berterusan tertakluk kepada keadaan semasa.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	40% Tapisan sentiasa dijalankan kepada semua pembekal
		Mewujudkan kontrak berpusat bagi perolehan berkala.	Unit Kewangan	5 Tahun (2024-2029)	40% Dijalankan mengikut keperluan
		Memperkasakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab.	Unit Integriti	5 Tahun (2024-2029)	100% Mengguna pakai pekeliling semasa Arahan Perbendaharaan

BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS

STRATEGI 4	Pencalonan Darjah-darjah Kebesaran Negeri Pahang Darul Makmur
-------------------	---

OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran
-------------------------------	---

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF /TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	PERATUSAN INISIATIF / TINDAKAN
1	Pencalonan dan Penerimaan Borang: 1. Kerabat Diraja 2. Kerajaan 3. Politik 4. NGO	1. Pencalonan tidak dibuka. 2. Tiada borang diedarkan kepada jabatan kerajaan, bukan kerajaan / swasta, politik dan NGO (Badan bukan kerajaan). 3. Pencalonan hanya melalui KDPB Sultan Pahang.	JPN	5 Tahun (2024-2029)	100%
2	Pendaftaran ke dalam Sistem Pengurusan Darjah Kebesaran Dan Pingat Negeri Pahang.	Pemantauan yang berterusan dan tindakan punitif kepada pelaku.	JPN	5 Tahun (2024-2029)	100%

3	Mempercepat proses bayaran kepada pembekal yang terlibat dalam urusan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran & Pingat Negeri Pahang.	1. Pusingan kerja. 2. Kajian Semula SOP.	JPN	5 Tahun (2024-2029)	90%
4	Menyegerakan Pengeluaran Watikah.	1. Memperkemaskan semakan undang-undang. 2. Pusingan kerja 3. Kajian Semula SOP	Jumaah Pangkuan DiRaja	5 Tahun (2024-2029)	60%
5	Tidak mengambil tindakan diatas laporan dan aduan yang diterima.	1. Memperkemaskan semakan undang-undang. 2. Pusingan kerja. 3. Kajian Semula SOP. 4. Kursus Integriti. 5. kebenaran mengakses email jabatan terhad kepada pegawai yang berkenaan sahaja.	Jumaah Pangkuan DiRaja	5 Tahun (2024-2029)	80%



TADBIR URUS





MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang ini memerlukan komitmen dari seluruh warga kerja antara pihak pengurusan tertinggi, pihak pengurusan dan profesional serta pihak pelaksana bagi memastikan pelaksanaan inisiatif dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang ini mencapai hala tuju yang telah ditetapkan, Majlis Kesultanan Pahang telah menggariskan 4 prinsip seperti berikut:

KOMITMEN DARI PENGURUSAN TERTINGGI	Mengkoordinasikan, memantau, menilai dan melaporkan Pencapaian OACP serta memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan
PELAKSANAAN INISIATIF	Melalui Pelan Tindakan akan dirangka oleh setiap Bahagian/ Unit Majlis Kesultanan Pahang bagi menangani risiko rasuah yang wujud daripada kelemahan proses dan prosedur serta penguatkuasaan undang-undang sedia ada.
PENILAIAN RISIKO RASUAH	Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala bagi memastikan risiko yang telah, sedang dan akan berlaku di Majlis Kesultanan Pahang dapat ditangani dengan lebih cekap dan efisien
PEMANTAUAN DAN PENILAIAN SISTEMATIK	Pemantauan secara berkala akan dilakukan bagi menilai keberkesanan inisiatif telah dilaksanakan dan mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi.

MEKANISME PELAKSANAAN OACP



MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan OACP berjalan dengan teratur dan lancar, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang telah diwujudkan. Jawatankuasa ini bertindak sebagai penyelarasan utama dalam menggerak, memantau dan menilai Pelan OACP berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan di samping pemantauan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola.

Pelaporan inisiatif-inisiatif OACP akan disalurkan melalui *Person In Charge* atau (PIC) yang dilantik daripada setiap bahagian dan Unit Majlis Kesultanan Pahang, PIC perlu membuat pelaporan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang bagi memastikan semua program dan aktiviti yang dikenal pasti dilaksanakan mengikut perancangan di samping pemantauan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola.

Laporan pencapaian Pelaksanaan OACP akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan OACP yang akan diadakan 3 kali setahun di samping pemantauan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola.

JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PELAN OACP MAJLIS KESULTANAN PAHANG	JAWATANKUASA TATAKELOLA PERINGKAT NEGERI	JAWATANKUASA TATAKELOLA PERINGKAT KEBANGSAAN
<p>(Pengerusi: Pengelola Bijaya Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang)</p> <p>a) Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif yang dibangunkan dalam Pelan Tindakan.</p> <p>b) Mendapatkan pelaporan daripada Agensi Pelaksana inisiatif melalui PIC yang dilantik dari setiap Bahagian/unit.</p> <p>c) Menyediakan Laporan berkaitan prestasi pelaksanaan Pelan untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Tatakelola Negeri</p>	<p>(Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang)</p> <p>a) Menilai dan memantau prestasi pelaksanaan Pelan OACP di Peringkat Negeri.</p> <p>b) Memperaku isu dan laporan untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Tatakelola Peringkat Kebangsaan.</p>	<p>(Pengerusi: Ketua Setiausaha Negara)</p> <p>a) Menerima laporan isu Tatakelola daripada Kementerian, Jabatan dan Kerajaan Negeri.</p> <p>b) Menerima laporan Status Pembangunan Pelan OACP daripada Kementerian Jabatan dan Kerajaan Negeri.</p>

MEKANISME PENILAIAN

MEKANISME PELAPORAN	MEKANISME PEMANTAUAN
<p>a) Setiap Bahagian/Unit di Majlis Kesultanan Pahang akan melantik 1-2 orang sebagai <i>Person Incharge</i> (PIC) pelan OACP.</p> <p>b) PIC akan memantau pelaksanaan inisiatif di Bahagian /unit masing-masing berdasarkan Pelan Tindakan yang telah dibangunkan.</p> <p>c) PIC akan mengemukakan pelaporan status pelaksanaan inisiatif di Bahagian/Unit masing-masing kepada Sekretariat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan OACP berkala sebanyak 3 kali setahun.</p>	<p>a) Pemantauan akan dilakukan oleh pihak Sekretariat pelan OACP melalui laporan KDPB Sultan dan tahunan yang dihantar oleh PIC di setiap Bahagian/Unit.</p> <p>b) Sekretariat menganalisis laporan berdasarkan prestasi sebenar dan sasaran yang telah diletakkan.</p> <p>c) Sekretariat mendapatkan justifikasi daripada PIC Bahagian/Unit bagi Inisiatif yang tidak dapat dilaksanakan oleh Bahagian /Unit di Majlis Kesultanan Pahang.</p>

MEKANISME PENILAIAN DAN PEMANTAUAN

- a) Mengenal pasti impak yang dicapai berdasarkan pelaksanaan inisiatif yang telah dibangunkan. Menilai keberkesanan pelaksanaan inisiatif yang dibangunkan sama ada mencapai tahap yang telah ditetapkan atau sebaliknya
- b) Memastikan semua aktiviti yang ada di bawah inisiatif tersebut dilaksanakan seperti yang dirancang,
- c) Memantau melalui penilaian prestasi pelaksanaan pelan OACP pada setiap tahun dan menambah baik inisiatif yang sedia ada (jika perlu)

BIL	PENERAJU	MESYUARAT	TINDAKAN
1	Unit Integriti (UI) sebagai Urus setia di Peringkat Negeri.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Kebangsaan.	<p>Menyalurkan maklumat status pelaksanaan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang setiap tahun kepada Mesyuarat Tatakelola Peringkat Kebangsaan.</p> <p>Menyalurkan maklumat status pelaksanaan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang setiap tahun kepada Mesyuarat Tatakelola Peringkat kebangsaan.</p>
2	Unit Integriti (UI) sebagai Urus setia di Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Negeri.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Negeri Pahang.	<p>Menyalurkan maklumat status pelaksanaan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang setiap tahun kepada Mesyuarat Tatakelola Peringkat kebangsaan.</p> <p>Menyalurkan maklumat status pelaksanaan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang setiap tahun kepada Mesyuarat Tatakelola Peringkat kebangsaan.</p>

3	Jawatankuasa OACP Unit Integriti (UI) sebagai Sekretariat Pelan OACP.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan OACP Majlis Kesultanan Pahang.	Memastikan inisiatif-inisiatif yang telah dirangka di dalam pelan dilaksanakan mengikut sasaran dan tempoh masa yang telah ditetapkan.
			Mendapatkan justifikasi daripada agensi pelaksana bagi inisiatif yang tidak dapat dicapai.
			Menyediakan laporan pelaksanaan pelan mengikut tahun dan laporan penuh tahunan pencapaian OACP Majlis Kesultanan Pahang.
			Mengemukakan laporan pelaksanaan pelan mengikut tahun dan laporan penuh tahunan pencapaian OACP untuk dibentangkan di Mesyuarat Tatakelola Peringkat.
			Menambah baik/ mengemas kini pelan tindakan setiap tahun (jika perlu) bagi memastikan risiko yang terdapat di Majlis Kesultanan Pahang dapat ditangani dengan baik.
			Membuat penilaian terhadap risiko dan inisiatif sedia ada selepas tempoh pelaksanaan bagi memastikan keberkesanan pelan.

PENILAIAN PRESTASI INISIATIF

Penilaian pelaksanaan bagi setiap inisiatif OACP akan dinilai sekali setiap hujung tahun. Walau bagaimanapun, perkara ini tertakluk pada keupayaan pelaksanaan inisiatif tersebut. Perkembangannya akan dilaporkan seperti yang telah dijelaskan. Agensi Pelaksana boleh mengutarakan sebarang permasalahan, kekangan mahupun penambahbaikan bertujuan penilaian semula semasa Mesyuarat Tatakelola Peringkat Negeri Pahang yang dijalankan setiap tiga (3) kali setahun setelah hal tersebut dipersetujui pada peringkat Jawatankuasa OACP.

Pelan tindakan yang telah dirangka perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh supaya dapat menangani masalah integriti dan rasuah. Impak pelaksanaan OACP dapat diukur dengan melakukan penilaian dan semakan semula terhadap inisiatif yang ditawarkan.

Tindakan pembaharuan OACP perlu dilaksanakan pada akhir tahun keempat dan dikeluarkan pada tahun seterusnya.

Setiap visi dan misi OACP Majlis Kesultanan Pahang hendaklah berkesinambungan pada tahun-tahun berikutnya.



KESIMPULAN



KESIMPULAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan salah satu inisiatif mandatori dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dirangka oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Majlis Kesultanan Pahang sentiasa komited dalam usaha untuk mencapai status sebagai sebuah Jabatan maju yang bebas rasuah.

OACP ini menjadi panduan dan rujukan bagi dalam merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Kesultanan Pahang bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2024 sehingga 2029. OACP Majlis Kesultanan Pahang ini merupakan salah satu tanda komited dan usaha Jabatan dalam membanteras gejala dan amalan rasuah bagi meningkatkan tadbir urus yang baik dan budaya kerja berkualiti oleh semua warga kerja di Majlis Kesultanan Pahang.

Berpaksikan visi Penggerak Utama Institusi Diraja Bebas Rasuah dan misi memperkukuhkan kecekapan, akauntabiliti dan integriti perkhidmatan awam Negeri Pahang, pelan ini menekankan lima (5) strategi utama bagi mencapai matlamat bagi meningkatkan sistem penyampaian Jabatan berasaskan Tadbir Urus yang baik. Sebanyak 30 inisiatif yang telah dirangka dalam pelan tindakan meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi mengurangkan risiko rasuah yang berlaku di Jabatan.

Kejayaan dan keberkesanan OACP ini bergantung pada komitmen warga kerja di Majlis Kesultanan Pahang dan tampuk kepimpinan Jabatan. Sekiranya segala perancangan inisiatif dan pelan tindakan yang telah dirangka dilaksanakan dengan cekap dan telus, sudah pastinya kelestarian integriti dapat dicapai oleh Majlis Kesultanan Pahang bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Namun begitu, ruang penambahbaikan sentiasa ada dan Majlis Kesultanan Pahang akan sentiasa mengkaji dan mengemaskini inisiatif yang dirangka supaya sentiasa relevan dengan peredaran masa dan situasi terkini. Pelan ini diharapkan menjadi salah satu mekanisme dan panduan Majlis Kesultanan Pahang dalam menangani salah laku, keruntuhan integriti dan membanteras amalan rasuah sekali gus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.



PENGHARGAAN



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Yang Hormat Mej Jen Dato' Mohamed Zahari Bin Dato' Hj Yahya, TUDM
Pengelola Bijaya Diraja KDPB Sultan Pahang

Encik Muhammad Iqbal bin Zuhanuddin
Setiausaha Sulit KDPB Sultan Pahang

Tuan Haji Mohd Nazirul Mubin bin Mohamad
Pegawai Tanah Kesultanan

Encik Amir Syaffiq bin Hamzah
Setiausaha Sulit Kepada KDPM Tengku Mahkota Pahang

Encik Teo Wei Sing
Pegawai Khas Kepada KDPM Tengku Mahkota Pahang

Lt Kol Anuar bin Mohd Ehwal
Pegawai Agama Istana

YH Tok Aria Rakna Ahmad Norbadelin bin Dato' Haji Abdul Murad
Setiausaha Sulit Khas Kepada KDPB Sultan Pahang

Puan Zamzurina Binti Ahmad
Setiausaha Sulit Kepada KDPB Tengku Ampuan Pahang

Tuan Haji Sharifful Hakim bin Suman
Datuk Paduka Lela

Mej Mohd Nur Hilmi Bin Abd Samad TUDM
Pegawai Khidmat Pengurusan

Mej Mohd Hazril bin Mohd Yahya TUDM
Unit Aset/Teknikal dan Kenderaan

Mej Nurul Atirah binti Mahadi
Penyelia Istana

YH Dato' Chew Teck Fang
Pengurus Istana

YH Tok Muda Dato' Bahazelan bin Osman
Pegawai Protokol Istana

Encik Mahamad Khairul Azman bin Salim
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Amiruddin Bin Mohammed
Ketua Pembantu Tadbir (Tanah Kesultanan)

Encik Abdul Aziz bin Jaafar
Ketua Pembantu Tadbir (Sumber Manusia)

Encik Shahril Hafiz bin Dzulkarnain
Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan)

Encik Mohd Khairi bin Khamar Ludin
Ketua Pembantu Tadbir (Pentadbiran)



ISTANA ABU BAKAR

RTAIDIRAJA PAHA